

Meriahnya... الْحَمْدُ لِلَّهِ



FOTO DJ Dolasoh

DJ Dolasoh

am@hmetro.com.my

Lenggong: Dua puluh ribu tetamu memeriahkan Majlis Perkahwinan Beramai-ramai 42 pengantin di Dataran Lenggong, di sini, hari ini.

Majlis terbesar dan julung kali diadakan anjuran Pusat Khidmat Ahli Parlimen Lenggong dan Majlis Pelancongan Lenggong itu, dirasmikan isteri Menteri Besar Perak, Datin Seri Saripah Zulkiffi.

Turut hadir, Pengerusi Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) merangkap Ahli Parlimen Lenggong, Datuk Dr Shamsul Anuar Nasarah dan isteri Datin Hamisah Husin.

Selain itu, Exco Perak, Datuk Saarani Mohamed, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kenering, Datuk Mohd Tarmizi Idris serta ketua jabatan turut hadir.

Sebahagian pasangan terbabit dinikahkan, semalam, manakala baki pengantin dilakukan beberapa hari lalu di kampung masing-masing.

Ini dikatakan bagi memudahkan urusan kerana terdapat pasangan pengantin yang dari luar Perak.

Antara pasangan terbabit adalah dari Selangor, Pahang, Kelantan, Kedah, Johor dan Perak.

Pasangan puna adalah dari kawasan Parlimen Lenggong yang mendaftar untuk majlis itu sejak kira-kira lima bulan lalu.

Kecuali mas kahwin dan hantaran, pengantin tidak perlu mengeluarkan langsung belanja untuk majlis itu.

Mereka turu diberi layanan khas menaiki bas pelancong dan diiring kumpulan motosikal besar.

Artikel ini disiarkan pada : Sabtu, 17 Disember 2016 @ 5:07 PM